



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

'SUARA' GOLONGAN OKU PENDENGARAN BOLEH DIDENGARI MENERUSI PEMBELAJARAN BAHASA ISYARAT MALAYSIA

Putrajaya, 23 Februari – YB Datuk Seri Rina Harun hari ini telah melancarkan Kursus *MySign* iaitu Kursus Bahasa Isyarat Malaysia yang dianjurkan oleh Institut Sosial Malaysia (ISM) dengan kerjasama Persekutuan Orang Pekak Malaysia (Malaysia Federation of the Deaf-MFD). Kursus ini dilaksanakan secara dalam talian bagi menzahirkan komitmen Kementerian menerusi ISM untuk menggalakkan orang ramai mempelajari bahasa isyarat Malaysia sebagai medium komunikasi yang kondusif.

Menurut data terkini, terdapat sejumlah 95 orang jurubahasa isyarat berdaftar di bawah MFD. Jumlah ini hanya meliputi 0.24 peratus jika dibandingkan dengan seramai 40,389 Orang Kurang Upaya (OKU) pendengaran yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun 2020.

“Peserta yang menerima latihan ini diharapkan mampu menjadi Agen Perubahan bagi mewujudkan persekitaran dan masyarakat yang lebih inklusif terutamanya bagi golongan OKU pendengaran. Kita perlu sama-sama hindari tanggapan bahawa keperluan mempelajari bahasa isyarat ini hanya terhad kepada golongan OKU Pendengaran serta ahli keluarga mereka sahaja. Semua golongan diambil kira dan kita tidak mahu sesiapa

pun dipinggirkan. KPWKM juga sedang dalam usaha melihat pilihan-pilihan yang ada untuk menaiktaraf bidang jurubahasa isyarat dan mengiktiraf kepentingan mereka, bermula di sektor awam.” ujar YB Rina dalam ucapannya.

Kursus Bahasa Isyarat Malaysia Peringkat Asas dilaksanakan secara atas talian bermula pada 23 hingga 27 Februari ini dan sesi berikutnya akan dilaksanakan pada bulan April 2021. Peserta kursus akan menjalani ujian kemahiran untuk membolehkan peserta mendapat sijil yang akan dikeluarkan oleh pihak MFD. Peserta yang telah berjaya menamatkan kursus asas bahasa isyarat boleh mengikuti kursus di peringkat pertengahan (10 hari) dan seterusnya peringkat lanjutan (15 hari).

Bagi peserta yang berminat untuk menjadi jurubahasa isyarat, pihak MFD juga menyediakan latihan atau kursus khas selama satu tahun. Pihak MFD juga menawarkan kursus jurubahasa isyarat peringkat diploma dengan kerjasama universiti tempatan dan mengambil masa 2 tahun pengajian.

*** Tamat ***

| | | |
|--------------------|---|--|
| Disediakan oleh | : | Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) No. 55, Persiaran Perdana Presint 4, PUTRAJAYA |
| No.Telefon | : | 03-8323 1088 |
| Tarikh dikeluarkan | : | 23 Februari 2021 |